

Abytech bantu sedia akaun lebih sistematik

» *Khidmat sasar lantik satu francais setiap daerah permudah pelanggan*

Oleh Nurhayati Abllah

nurhayatiabllah@bh.com.my

Abytech Sdn Bhd (Abytech) yang bergiat dalam pembangunan perisian, menawarkan perkhidmatan perakaunan bagi membantu syarikat atau individu menyediakan akaun lebih bersistematik, terutama selepas pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), bermula April lalu.

Pengarah Urusannya, Azmi Mohd Tawil, berkata perkhidmatan itu disediakan hasil kerjasama dengan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) menerusi program Perniagaan Dalam Transformasi (BIT).

Katanya, perkhidmatan itu yang mula beroperasi bulan ini menyasarkan pelantikan satu francais di setiap daerah seluruh negara bagi membolehkannya disediakan terus

Azmi bersama **produk Abytech** ketika ditemui di pejabatnya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.
[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]



kepada pelanggan.

Konsep Abytech Solution

“Kami menggunakan konsep *Abytech Solution* dengan seorang perunding dilantik untuk membantu menguruskan sistem perakaunan lebih tersusun. Ia juga memudahkan syarikat mendapatkan semula pulangan cukai daripada jabatan atau agensi berkaitan.

“Konsep berkenaan turut menggunakan pendekatan ‘perunding mudah alih’ yang dilihat lebih berkesan, selain menjimatkan kos serta tenaga,” katanya pada satu pertemuan di

Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Azmi berkata, kerjasama dengan PNS menerusi program BIT juga adalah satu daripada inisiatif syarikat untuk menyokong projek yang dilaksanakan kerajaan seperti pelaksanaan GST.

Katanya, ia juga bagi menyediakan platform berkesan untuk membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menguruskan akaun dengan berkesan dan sistematik.

Menerusi kerjasama itu, katanya, francais yang dilantik akan mendapat bantuan modal permulaan daripada PNS sehingga RM18,000, selain bantuan kemahiran serta peralatan yang disediakan pada harga

berpatutan oleh Abytech.

“Pada peringkat awal ini, kami menyasarkan pengambilan di Pantai Timur terutama Terengganu dan Kelantan berikutan potensi pertumbuhan perniagaan di sana sangat baik.

“Berdasarkan pemerhatian kami, kedua-dua negeri itu mempunyai jumlah perniagaan yang tinggi, namun masih ramai gagal menyediakan satu sistem pengurusan akaun yang betul,” katanya.

Abytech yang perniagaan utamanya menyediakan perisian teknologi maklumat antara syarikat utama yang mengedar dan memasarkan produk perisian perakaunan MYOB.